

03 MAR 1997

Mahathir-Croatia

M'SIA ALU-ALUKAN PERANAN CROATIA DALAM KEAMANAN DI EROPAH

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Malaysia menyambut baik komitmen dasar luar Croatia untuk memainkan peranan yang positif dan membina dalam memastikan keamanan di rantau Eropah Tenggara berkekalan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini.

Beliau berkata ketika Croatia berjaya mencapai impian selama 1,000 tahun untuk menikmati kemerdekaan, Bosnia-Herzegovina masih bergelut dengan isu-isu wilayah dan pentadbiran.

"Dengan persefahaman Croatia dan peranan penting masyarakat antarabangsa, Bosnia-Herzegovina telah diberikan status kedaulatannya sendiri," katanya pada jamuan malam bagi meraikan Perdana Menteri Croatia Zlatko Matesa di Sri Perdana di sini.

Beliau berkata status kedaulatan hanya boleh dipupuk menerusi usaha luar biasa untuk membina semula negara itu dan Malaysia gembira dengan sokongan yang ditunjukkan oleh Croatia.

Dr Mahathir dan Matesa, yang sedang dalam rangka lawatan tiga hari ke negara ini, mengadakan perbincangan mengenai pelbagai isu di Jabatan Perdana Menteri pagi ini.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia telah mengikuti kehidupan getir Croatia dan Bosnia-Herzegovina semasa peperangan selama empat tahun itu dan berharap masa dapat menyembuhkan luka mangsa-mangsa dan sebuah masyarakat baru dan lebih toleran akan wujud.

Beliau berkata Malaysia akan terus bekerjasama dengan negara-negara lain dalam mewujudkan sebuah suasana keamanan yang berkekalan di Eropah Tenggara.

Dr Mahathir juga berkata memandangkan Malaysia mempunyai masyarakat pelbagai kaum, kerajaan telah menekankan perlunya agar kesemua kaum bekerjasama sebagai satu tenaga padu untuk bersaing secara global dalam pasaran serantau dan antarabangsa.

Mengenai perdagangan, Dr Mahathir berkata dengan keupayaan Croatia untuk menyesuaikan diri kepada persekitaran perniagaan antarabangsa yang pantas berubah, lebih banyak usahasama perniagaan dapat diadakan di antara Malaysia dan Croatia. -- BERNAMA

NZ AKD